

usahaawan muda

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Trend usahawan kini menggabungkan pelbagai jenis perniagaan dalam satu laman web, menyuntik ilham kepada mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohammad Amirul Aziz, 21, untuk turut mengikut jejak sama.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) itu membangunkan laman web dinamakan Exprimo yang beroperasi sejak akhir tahun lalu sebagai platform jualan dalam talian khusus untuk akses warga UPM.

Laman web pertama seumpamanya di UPM itu menjadi medium pemasaran produk atau perkhidmatan ditawarkan peniaga terdiri daripada pelajar universiti berkenaan, antara lain barang elektronik, makanan dan pakaian, manakala aspek pengurusan membabitkan lima jabatan, iaitu pentadbiran, kewangan, stok, pemasaran serta logistik.


Khidmat percuma

"Exprimo juga menyediakan khidmat penghantaran produk yang dibeli melalui laman web ini pada hari sama secara percuma."

"Ketika ini, produk paling laku ialah barang elektronik kerana ditawarkan pada harga lebih murah berbanding dalam pasaran. Urusan berkaitan seperti waranti juga menjadi lebih mudah kerana mereka tidak



Mohammad Amirul tekun mengusahakan kios perniagannya di dalam kampus, selain beroperasi melalui laman web Exprimo.



Bangunkan laman web gabung aneka perniagaan

perlu ke kedai di luar kampus," katanya ketika ditemui di UPM di sini.

Mohammad Amirul yang turut berniaga secara konvensional di Putrabiz@Kiosk, Kompleks Akademik A UPM, menceburii bidang keusahawanan sejak di bangku sekolah menereng dengan menjual kasut sukan dari Amerika Syarikat diperoleh mene-

rusi laman web eBay.

Bagaimanapun, beliau kemudian beralih kepada jualan barang elektronik selepas mendapat stok produk itu boleh diperoleh pada harga jauh lebih murah.

Tubuh syarikat

"bu bapa banyak memberi dorongan, terutama membantu dari segi modal untuk memulakan

perniagaan ini. Selain itu, UPM khususnya Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) amat menggalakkan usaha berniaga, termasuk menge-nakan kadar sewa kedai hanya RM100 sebulan.

"Perniagaan ini membabitkan pembekal dari dalam dan luar negara. Stok barang elektronik lazimnya diperoleh dari-

pada pembekal di dalam negara bagi memudahkan urusan waranti.

"Produk bukan elektronik pula didapat daripada pembekal China berdasarkan mana yang lebih murah," katanya sambil merancang menuju sebuah syarikat sendirian berhad dan membuka beberapa cawangan di universiti awam seluruh negara.

Fakta nomor

Exprimo

10 MAHASISWA menguruskan laman web